



BANK NEGARA MALAYSIA

CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PENGUMUMAN

PENYALAHGUNAAN NAMA BANK NEGARA MALAYSIA SERTA NAMA DAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI KANANNYA

Penipuan menggunakan nama Bank Negara Malaysia, logo korporat serta nama dan jawatan pegawai-pegawai kanan Bank oleh pihak yang menipu dalam skim haram atau aktiviti penipuan lain adalah bertujuan untuk memperdaya orang ramai.

Skim haram atau aktiviti penipuan ini mungkin dipromosikan melalui e-mel, surat, panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau dalam bentuk komunikasi lain.

LINDUNGI DIRI ANDA DENGAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERIKUT:

- (1) **SILA ABAIKAN** sebarang panggilan telefon, surat, SMS atau e-mel yang mendakwa mereka daripada Bank Negara Malaysia dan memelawa anda menyertai apa-apa skim pelaburan atau aktiviti yang disyaki sebagai penipuan.
- (2) **SENTIASA BERWASPADA** – Bank Negara Malaysia **TIDAK AKAN** menghubungi anda untuk mempromosikan sebarang skim pelaburan atau meminta maklumat perbankan peribadi. Bank Negara Malaysia juga tidak akan meminta anda membuat sebarang pemindahan wang.
- (3) **BERHATI-HATI APABILA BERURUSAN DENGAN SYARIKAT ATAU INDIVIDU** yang menggunakan surat perakuan yang kononnya dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau Pegawai-pegawai Kanannya untuk mendapatkan wang atau pelaburan daripada anda.

JIKA ANDA DALAM KERAGUAN, SILA HUBUNGI ATAU LAPOR KEPADA:

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)

Tel : **1-300-88-5465**

Faks : **03-2174 1515**

E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan, sila taip **BNM TANYA [pertanyaan/aduan anda]** hantar ke **15888**

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti penipuan kewangan, sila lawati laman sesawang amaran penipuan kewangan di <http://fraudalert.bnm.gov.my> atau berinteraksi dengan kami melalui Facebook di <http://facebook.com/bnm.official>